

22 OCT 2002  
MDV-PENANDA ARAS/I  
MDV PENYELAMAT SYARIKAT ICT M'SIA

Oleh: Mohd Arshi Daud

TORONTO, 22 Okt (Bernama) -- Kecekapan pembiaya teknologi inovatif Malaysia, Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV), meluluskan permohonan pinjamannya dengan pantas sememangnya satu langkah yang wajar diberi perhatian.

Langkah yang cekap seumpama itu perlu dianggap sebagai satu hasil yang mengagumkan memandangkan modal teroka (VC) biasanya mengambil masa hingga tiga bulan untuk meluluskan pinjaman bagi syarikat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Malahan bank-bank mengambil masa yang lebih lama daripada tempoh itu.

"Kami memberi komitmen untuk membuat keputusan dalam tempoh empat minggu. Setakat ini kami berjaya menunaikan janji-janji ini," kata pengarah urusan dan ketua pegawai eksekutifnya Jiro Suzuki.

Dengan senario kitaran perniagaan sektor ICT dikatakan beroperasi tujuh kali lebih pantas berbanding pembuatan, pembiayaan MDV yang tepat pada masa adalah suatu yang amat ditunggu-tunggu oleh syarikat ICT Malaysia kerana kelewatan (dalam kelulusan pinjaman) bermakna mereka kehilangan peluang atau yang lebih teruk jatuh bangkrap.

"Saya belum pernah melihat mana-mana bank atau VC menyediakan kelulusan pinjaman yang begitu pantas. Kami menanda aras diri kami sendiri berbanding amalan terbaik di dunia," katanya kepada Bernama dalam satu temubual di sini, baru-baru ini.

Jiro menyertai rombongan perdagangan dan pelaburan Malaysia yang melawat Toronto, New York dan St. Louis baru-baru ini anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Menterinya Datuk Seri Rafidah Aziz mengetuai misi perdagangan selama lapan hari itu yang bermula pada 14 Okt.

Sejak mula beroperasi pada 2 Sept, 2002, kira-kira 370 syarikat ICT telah menghubungi MDV bertanyakan bagaimana mereka boleh mendapatkan bahagian RM1.6 bilion dana ICT yang diuruskan oleh syarikat itu.

Daripada 87 syarikat yang mengambil bahagian dalam forum perniagaan mingguan yang diadakan oleh MDV (dikendalikan setiap hari Selasa), 13 sedang dalam proses mendapatkan kelulusan bagi permohonan mereka manakala 15 lagi sedang menuju ke peringkat yang sama.

Forum itu diadakan untuk memberi maklumat kepada syarikat-syarikat ICT berhubung perkhidmatan dan operasi MDV serta syarat-syarat yang diperlukan untuk layak mendapat pinjamannya.

Daripada 13 permohonan itu, tiga permohonan yang bernilai RM133 juta telah diluluskan dan hanya satu yang ditolak, yang mana ia menjadikan nisbah kejayaan dan kegagalan pada 75:25.

"Kami mendapat nisbah kejayaan 75 ini hasil daripada proses yang kami telah laksanakan," kata Jiro.

Sebelum pemohon beralih ke proses kajian terperinci, mereka perlu melalui "proses bimbingan" di bawah jabatan Membina Perniagaan dan Penyelidikan dan Teknologi (BBRT) yang akan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka.

"Apabila kelemahan tertentu berjaya dikenal pasti, BBRT akan menyediakan latihan. Apabila BBRT menyatakan pemohon sudah bersedia untuk beralih ke jabatan kewangan, barulah permohonan mereka dihantar kepada tahap kajian terperinci," kata Jiro.

Beliau berkata memandangkan kadar semasa di mana MDV meluluskan pinjamannya, kira-kira separuh atau sekurang-kurangnya sesuku daripada RM1.6

bilion dananya boleh dikeluarkan bagi pembayaran dalam tempoh setahun.

"Setakat ini, kami telah memperolehi pinjaman bernilai RM300 juta. Jika kami dapat mengeluarkan wang ini dengan cepat, saya boleh menyakinkan kerajaan Jepun untuk memberikan wang tambahan lagi kepada kami," katanya.

Jiro, 36, yang mengetuai MDV sekarang, masih lagi penasihat kewangan kepada aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) ketika beliau menyedari kesukaran yang dihadapi oleh syarikat-syarikat ICT untuk mendapat pembiayaan meskipun telah memperolehi kontrak aplikasi perdana.

Modal teroka, misalnya, enggan menyediakan pembiayaan kerana saiz kontrak seumpama itu, seperti sekolah pintar, adalah besar (sekitar RM300 juta) dan strategi keluar menerusi tawaran permulaan awam (IPO) pula kurang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengkritik bank-bank yang enggan memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat ICT tanpa cagaran meskipun mereka telah memperolehi kontrak dan mempunyai pelan perniagaan yang boleh dilaksanakan.

"Pada 2000, saya dengar kerajaan Jepun akan mengumumkan inisiatif e-Asean dengan memperuntukkan dana bernilai AS\$15 bilion bagi negara-negara Asean untuk merapatkan jurang digital.

"Saya mengambil masa dua tahun untuk berunding dengan kerajaan Jepun, terutamanya Japan Bank for International Corporation (JBIC) sebelum mereka akhirnya memeterai perjanjian pinjaman (mudah) RM1.6 bilion," katanya.

Jiro berkata beliau sudah bersedia untuk membuktikan kepada JBIC bahawa dana RM1.6 bilion yang diberikan kepada MDV bukan satu angka yang terlalu tinggi bagi Malaysia dan boleh digunakan dengan lebih pantas berbanding pengeluaran perlahan dana IKS RM300 juta yang disediakan oleh bank itu kepada Malaysia sebelum ini.

"Sekiranya saya boleh membuktikan kepada mereka bahawa saya boleh mengeluarkan wang ini dalam tempoh satu hingga dua tahun, saya boleh menyakinkan kerajaan Jepun untuk memperuntukkan lebih banyak wang kepada Malaysia," katanya. -- BERNAMA

MAD MR SD ZK